

## PERUTUSAN.

Segala puji dan syukur dilimpahkan kehadiran Allah s.w.t. yang sentiasa melimpahkan taufik dan hidayah-Nya sehingga kita dapat melaksanakan tugas dan kewajipan sebagai khalifah di muka bumi ini. Selawat serta salam sentiasa dipanjangkan kepada pemimpin agung umat manusia sepanjang zaman, Nabi Muhammad s.a.w., ahli keluarga, para Sahabat, tabi'in serta generasi seterusnya yang mengikuti jejak langkah Baginda sehingga ke akhir zaman.

Umat Islam sebenarnya telah mencapai zaman kegemilangan yang tinggi dan hebat. Banyak kejayaan dihasilkan dalam bidang-bidang ilmu dan kerajaan Islam dalam pentadbiran negara yang luas meliputi sebahagian besar dunia suatu ketika dahulu. Kegemilangan tersebut telah meletakkan umat Islam sebagai ummah yang dihormati, disanjung dan disegani dunia.

Namun kegemilangan tersebut kini telah mula pudar disebabkan oleh sikap dan kurang pengamalan mereka terhadap Islam. Banyak kemajuan yang sebelum ini dipelopori oleh sarjana dan ilmuan Islam telah dikuasai oleh bangsa lain. Senario tersebut perlu dijadikan asas untuk kita kembali semula kepada tamadun penguasaan ilmu pengetahuan. Perlu disedari, tamadun Islam tidak berakhir setakat ini sahaja kerana umat Islam perlu bangkit, sentiasa maju, progresif dengan memanfaatkan kemuliaan akal fikiran, kekayaan alam dan sumber tenaga manusia.

Hari ini dapat diperhatikan bahawa penghayatan terhadap agama oleh umat Islam berada pada tahap yang baik, terutamanya dalam konteks kehidupan beragama, namun ia sebenarnya tidak menjamin kita terlepas dari ancaman lain seperti ajaran salah / sesat. Ajaran Ahmadiyah / Qadiani contohnya, masih wujud dan berkembang walaupun fatwa telah dikeluarkan sejak sekian lama. Perkara ini memberi isyarat kepada kita supaya ajaran-ajaran yang diragui kebenarannya perlu dikenalpasti di samping tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa agama. Langkah seterusnya adalah dengan memberi penjelasan yang sebenar kepada masyarakat mengenai bahaya dan kesan ajaran sesat dari terus berkembang. Kita ingin melihat penghayatan Islam dapat dilaksanakan dalam semua keadaan.

Terdapat banyak cabaran yang perlu kita hadapi pada masa kini, antaranya ancaman yang berbentuk akidah, syariah dan akhlak. Umat Islam seharusnya tidak mudah terpedaya atau mengambil mudah tanpa menilai risiko dari perbuatan tersebut. Walaupun kemajuan dan kecanggihan teknologi tidak dilarang, namun kesan teknologi yang negatif boleh memporak-perandakan institusi keluarga dan masyarakat.

Pendekatan Islam Hadhari yang sedang dilaksanakan adalah satu konsep penghayatan dan pengamalan yang berupaya membangun ummah dan negara ke arah kemajuan dan kece-merlangan. Konsepnya adalah jelas berlandaskan syariah dengan menjana umat Islam ke arah lapan asas utama iaitu menjaga, memartabat dan memperkasakan agama, akal, nyawa, harta, keturunan, maruah, institusi keluarga dan alam sekitar. Sekiranya kesepaduan dan penghayatan ini dapat dilaksanakan, InsyaAllah umat Islam akan mencapai lebih banyak kejayaan dan kemajuan.

Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid  
Dato' Seri Utama Diraja  
Mufti Negeri Selangor.